BH ONLINE

Rabu, 7 Julai 2021, 9:17am

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# KPKT perluas vaksin bergerak kepada komuniti peniaga kecil

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Julai 6, 2021 @ 3:12pm
fidahruzki@bh.com.my



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamarudin beramah mesra bersama Orang Kurang Upaya (OKU) yang akan menerima vaksin COVID-19 di bawah Program Mobalisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di Dewan Dato' Ahmad Razali, Ampang hari ini.

PUTRAJAYA: Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini diperluaskan kepada komuniti peniaga kecil.

KPKT dalam kenyataannya, berkata program dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diperluaskan kepada penjaja pasar malam, pasar tani, pasar pagi, pasar basah dan lain-lain peniaga yang termasuk dalam kategori penjaja dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kenyataan itu menyebut, tumpuan program itu kepada kawasan yang mempunyai kadar suntikan vaksin yang rendah dan jangkitan yang tinggi.

Katanya, untuk permulaan, Selangor dipilih sebagai destinasi pertama kerana mempunyai jumlah jangkitan kes yang tertinggi dan belum menunjukkan potensi penurunan kes ketika ini.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Johor sediakan RM100 juta bantu peniaga kecil
- Kerajaan sedia talian khas jawab isu vaksinasi COVID-19
- Vaksinasi 51,500 pekerja pengangkutan bermula hari ini

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 9m MAQIS Selangor serah daging kepada Penjara Penor
- 15m Ubat artritis kurangkan kematian pesakit COVID-19
- 38m Kempen amal stesen radio Media Prima dapat sambutan
- 40m Sabah tuan rumah sambutan Hari Malaysia 2021
- 58m Peniaga lega dapat berniaga semula
- 1h Kondominium runtuh: Pencarian sukar susulan ribut Elsa
- 1h EURO: Pengalaman akan jadikan Sepanyol lebih kuat
- 1h MAHB buat laporan polis terhadap portal pelaburan

## VAKSIN



WILAYAH Jul 6, 2021 @ 6:31pm
1.5 juta terima vaksin di Sarawak



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 6:27pm
Media Prima sediakan pusat vaksin untuk kakitangan



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 5:51pm
58.3 peratus guru sudah divaksin



WILAYAH Jul 6, 2021 @ 5:22pm
Lebih 50 syarikat mahu sertai PIKAS di Negeri Sembilan




NASIONAL Jul 6, 2021 @ 4:32pm
Vaksinasi melepasi 300,000 dos sehari

- Perak umum bantuan khas kepada 4,000 penjaja dan peniaga kecil

Berikutan itu, katanya, KPKT mensasarkan pemberian suntikan vaksin kepada 49,084 individu dalam kalangan penjaja di negeri itu.

"Program yang akan dilaksanakan di seluruh negara ini mensasarkan lebih daripada 500,000 penjaja dan peniaga kecil khususnya di kawasan bandar untuk diberikan vaksin dengan segera.

"Inisiatif ini bertujuan membantu peniaga kecil yang berdaftar dengan PBT untuk menerima vaksin COVID-19 susulan kebenaran yang diberikan kepada penjaja kecil untuk berniaga di kawasan PBT masing–masing dalam tempoh Kawalan Pergerakan bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) ini.

"Ia juga secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan risiko jangkitan dan bahaya terhadap golongan penjaja berikutan peranan mereka yang sentiasa bertemu dengan orang ramai dalam aktiviti perniagaan harian," katanya.

Projek rintis MOVAK disempurnakan pagi ini oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin, membabitkan seramai 504 penjaja daripada 8,812 penjaja yang berdaftar bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Program itu membabitkan seramai 51 petugas dan sukarelawan iaitu 18 petugas kesihatan dan 33 lagi adalah petugas bukan kesihatan.

Inisiatif KPKT bersama Kementerian Perpaduan Negara itu bagi menyokong usaha Kerajaan dalam melancarkan proses vaksinasi dan membantu meningkatkan jumlah kehadiran di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak PBT dan KRT serta disokong oleh sukarelawan Penggerak Komuniti Negara (PKN).

"Ia mempunyai empat komponen yang terdiri daripada Unit Panggilan, Unit Mobilisasi, Unit Jangkauan Komuniti dan Unit PPV Bergerak.

"Penggemblengan usaha kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ini diharapkan dapat membantu kelancaran Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan seterusnya mempercepatkan proses imuniti kelompok," katanya.

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jun 26, 2021 @ 1:16pm

**500,000 peniaga kecil akan divaksin**



NASIONAL Jun 19, 2021 @ 2:12pm

**MOVAK percepat program vaksinasi**







ASIA Jul 6, 2021 @ 2:14pm

Negara lain pun boleh guna - Modi

## TRENDING



BOLA 3 jam yang lepas

EURO: Morata cipta sejarah



BOLA 3 jam yang lepas

Ronaldo sukar diurus - Sarri



KES 10 jam yang lepas

Panik terdengar bunyi loceng amaran



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 4:42pm

Permohonan moratorium pinjaman dibuka esok, lulus automatik

## MYRESIPI



TIPS & PETUA Jul 6, 2021 @ 11:18am

Tips Bersihkan Blender Atau Pengisar Dengan Mudah, Confirm Hilang Segala Bau!



RESEPI Jul 6, 2021 @ 11:15am

Resepi Daging Kari Masak Kicap, Aroma & Rasanya Membangkitkan Selera Weh!



TIPS & PETUA Jul 5, 2021 @ 11:05am

Tips Cuci Siput Sedut Sehingga Hilang Lumpur & Segala Lendir, Memang Berhasil Lah!



RESEPI Jul 5, 2021 @ 11:03am

Jom Cuba Resepi Spring Roll Buah-Buahan, Sesuai Untuk Korang Yang Tengah Diet!



RESEPI Jul 2, 2021 @ 11:37am

Jom Cuba Resepi Kukkra Curry, Kari Ayam Original Dari Nepal



NASIONAL Mac 19, 2020 @ 6:39pm

## Soalan Lazim Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



NASIONAL Mei 24, 2021 @ 5:55pm

## Syor suntik vaksin ke rumah individu tidak berupaya


**Disyorkan untuk anda** Recommended by

**Malaysia's parliament to reopen July 26 a…**
Nikkei Asia

**Japan's No. 2 raises possibility of joining US in…**
Nikkei Asia

**What comes next for India's deeply scarred…**
Nikkei Asia

**Japan's leading ramen chain Ippudo goes…**
Nikkei Asia

**'Fifty Shades of Grey' Director Sam Taylor-…**
Mansion Global

**Ivanka Trump and Jared Kushner Lease Miami…**
Mansion Global

**U.K. Prime Minister Boris Johnson Sells…**
Mansion Global

**What Happens When Kamala Harris Lives in…**
Mansion Global




2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi